

## TAHAP PENGGUNAAN INSTAGRAM DALAM KALANGAN PELAJAR DI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (INSTAGRAM USAGE AMONG STUDENTS OF UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA)

NORAZLAH MAT IL\* DAN NORMALIZA ABD RAHIM

*Pusat Pengajian PerJabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.*

*\*Corresponding author: norazlah@upm.edu.my*

**Abstrak:** Kajian ini memberi fokus kepada tahap penggunaan Instagram yang dalam kalangan pelajar Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM) ketika melayari akaun Instagram. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menghuraikan tahap penggunaan Instagram terhadap akaun sendiri, ruangan komen dan akaun pengguna lain dalam kalangan 100 orang pelajar dari pelbagai kaum dan tahun pengajian yang mengikuti program sarjana muda di UPM. Instrumen kajian terdiri daripada borang soal selidik yang mengandungi 15 item dan juga kaedah temu bual. Data dianalisis dengan menggunakan peratusan. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan Instagram terhadap akaun sendiri adalah tidak menggalakkan kerana kebanyakan pelajar tidak sempat mengemas kini akaun disebabkan oleh faktor kesibukan dengan kuliah. Oleh itu, mereka hanya melayari untuk melihat akaun pengguna lain dan membaca serta membalas komen-komen yang terdapat dalam akaun sendiri jika ada masa terluang dan secara tidak langsung dapat berkomunikasi dengan pengguna lain di alam maya. Kajian akan datang diharapkan akan bertumpu kepada laman sosial yang lain pula.

Kata kunci: Instagram, media sosial, pelajar universiti.

**Abstract:** This study focuses on Instagram captions used among students at the Faculty of Modern Languages and Communication, Universiti Putra Malaysia (UPM). The objectives of this paper were to identify and describe the usage of Instagram captions to one's own account, comment column and other users' accounts. A total of 100 students of various races, programs and years of study were selected. The instruments consist of a set of questionnaires with 15 items and also interview. Data were analyzed by using percentage. The results of the study showed that the usage of Instagram on one's own account was not encouraging because majority of the students did not have time to update their accounts due to the fact that they were busy with study. Therefore, they only surfed in order to view other users' accounts by reading and replying to comments whenever they had free time and this way they indirectly communicate with other users in cyberspace. Future research will focus on other social networking sites.

*Keywords: Instagram, social media, university students.*

### Pengenalan

Media merupakan salah satu teknologi yang kian pesat membangun serta mempunyai pembaharuan dalam setiap saat sama ada media cetak, media massa atau media teknologi (Normaliza Abd Rahim, 2014). Media sosial adalah sejenis media yang digunakan terus secara atas talian dengan membolehkan para pengguna dengan mudah untuk menyertai, berkongsi, dan mencipta isi meliputi blog, rangkaian sosial, wiki, forum dan dunia virtual. Blog, rangkaian sosial dan wiki merupakan bentuk media sosial

yang paling umum digunakan oleh masyarakat di seluruh dunia (Ahlqvist *et al.*, 2008). Manakala, Kaplan Andreas *et al.* (2010) mendefinisikan media sosial sebagai sebuah kumpulan aplikasi berasaskan internet yang membangun atas dasar ideologi dan teknologi Web 2.0, dan yang membolehkan penciptaan dan pertukaran. Sementara itu, jaringan sosial merupakan laman di mana setiap orang boleh membuat laman web secara peribadi, kemudian berhubung dengan rakan-rakan untuk berkongsi maklumat dan berkomunikasi. Jaringan sosial terbesar antara lain Facebook, Myspace, Plurk, Twitter dan juga

Instagram. Jika media tradisional menggunakan media cetak dan media penyiaran, maka media sosial menggunakan internet. Media sosial mengajak sesiapa sahaja yang berminat untuk berhibur dengan memberi sumbangan dan maklum balas secara terbuka, memberi komen, serta berkongsi maklumat dalam masa yang cepat dan tidak terhad.

### **Kajian tentang Instagram**

Instagram adalah satu saluran media sosial di mana penggunaannya terdiri daripada individu, organisasi, penjual dan juga perniagaan dan mereka akan memuat naik gambar mereka untuk tatapan pengikut mereka (Dellavale, 2014). Instagram merupakan sebuah aplikasi rangkaian sosial yang dilancarkan pada Oktober 2010 yang membolehkan para penggunaannya untuk menyimpan gambar dan video mereka secara digital serta berkongsi kepada pengguna lain. Menurut *GlobalWebIndex* Oktober 2015, Instagram berada di tempat kelima dalam sepuluh senarai rangkaian media sosial yang aktif. Sejak dilancarkan pada bulan Oktober 2010, kira-kira 400 juta pengguna setiap bulan, 75 juta pengguna setiap hari, 40 bilion yang berkongsi gambar, 3.5 bilion yang tanda “like” setiap hari (Digital Marketing Stats/ Strategy/ Gadget (Oktober 2015)). Di Instagram juga seseorang boleh menyunting foto sebelum dimuat naik dan boleh menyertakan keterangan gambar atau yang disebut kapsyen di bawah gambar. Ketika foto dimuat naik, pengguna lain boleh memberikan komen atau tanda “like” pada gambar tersebut. Kebiasaannya pengguna Instagram akan memuat naik foto dirinya, kawan-kawan, aktiviti-aktiviti, gambar-gambar inspirasi, barang-barang, fesyen, haiwan dan pemandangan.

Selain itu, pengguna Instagram boleh mengikuti pengguna yang lain dengan menjadi pengikut di Instagram, tetapi hubungan ini bersifat tidak linear kerana yang diikuti tidak perlu mengikuti akaun yang mengikuti akaunnya. Pengguna Instagram juga boleh menetapkan tetapan akaun mereka agar boleh diakses oleh semua orang atau tidak. Andai kata pengguna

Instagram tidak ingin semua orang mengakses, pengguna boleh menggunakan tetapan “privacy” pada akaun Instagram (Yuheng Hu *et al.*, 2014).

Abdullah Al-Bahrani & Darshak Patel (2015), menyediakan artikel iaitu panduan untuk para pendidik dalam bidang ekonomi bagaimana untuk menggabungkan Twitter, Instagram dan Facebook dalam dan luar bilik darjah. Matlamat kajian mereka adalah untuk membincangkan manfaat yang berpotensi daripada media sosial untuk kurikulum dalam bidang ekonomi. Dalam artikel tersebut ada menerangkan bagaimana untuk menggunakan media sosial dengan berkesan, dan mengurangkan kebimbangan yang berkaitan dengan melaksanakan teknologi baru. Terdapat lima faedah menggunakan media sosial yang disenaraikan iaitu pertama, memudahkan komunikasi dalam membuat pengumuman, memberikan komunikasi secara langsung dengan pengajar, membenarkan pelajar yang malu untuk berkomunikasi dan membolehkan berkomunikasi sesama pelajar, kedua meningkatkan pengalaman pembelajaran melalui siaran artikel berkaitan ekonomi dan juga video, ketiga menggalakkan kerjasama dalam kalangan pelajar, keempat membenarkan pelajar untuk belajar secara aktif melalui jawatan yang berkaitan dan kelima menjadikan pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan.

Kajian oleh Normaliza Abd Rahim, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi & Awang Azman Awang Pawi (2017) menunjukkan bahawa penggunaan Instagram dapat dilihat sebagai salah satu media sosial yang berjaya dalam menyebarkan bahan berbentuk cerita. Hal ini kerana maklumat dalam Instagram dapat dibaca dan dirujuk oleh pengguna setiap masa dan mudah untuk difahami memandangkan kapsyen yang ditulis tidak panjang.

### **Kajian tentang Media Sosial**

Kajian berkaitan teknologi media sosial telah dijalankan dalam pelbagai aspek. Antaranya kajian yang dijalankan oleh Ika Destina, Ali Salam & Helmi Abd Rahim (2013), menjalankan kajian tentang penerimaan media sosial, kajian

dalam kalangan pelajar di Universiti Palembang. Kajian mereka mengenal pasti faktor-faktor yang memberikan kesan signifikan terhadap penerimaan dan penggunaan media sosial. Kajian mereka juga telah mengenal pasti faktor-faktor lain yang belum dijelaskan oleh Davis (1989) dalam Model Penerimaan Teknologi (TAM). Faktor lain yang ditambah ke dalam model meliputi faktor kaitan dan rangkaian antara peribadi dan sosial. Faktor-faktor inilah yang menggalakkan pengguna internet menggunakan media sosial sebagai aplikasi dalam kehidupan seharian mereka.

Kajian oleh Noor Azlinda Zainal Abidin (2014) mengatakan bahawa adalah lebih menyedihkan apabila seseorang yang berkawan lama boleh memutuskan persahabatan dengan hanya menekan butang *unfriend* disebabkan pertelingkahan pendapat dalam sesuatu isu. Kelantangan menyuarakan pendapat ini secara tidak langsung mencerminkan peribadi seseorang itu. Susunan kata-kata, penggunaan simbol serta hujah yang digunakan kadang-kadang menggambarkan sikap serta pemikiran sebenar seseorang individu. Kematangan memberi serta menerima pendapat tidak langsung digunakan seolah-olah hanya pendapat yang diberikan itu adalah tidak benar. Inilah yang dikatakan apabila emosi melangkau segalanya. Sikap keterbukaan dalam memberi pendapat bagi isu yang dibincangkan diakhiri dengan pertelingkahan serta penggunaan kata kesat. Ada yang mengatakan orang Malaysia boleh dibawa berbincang secara santai mengenai makanan, sukan dan hiburan tetapi tidak sekali-kali apabila isu agama serta politik diutarakan. Maka timbullah pelbagai persoalan, tanda tanya serta mempertikaikan pandangan orang lain dan mengetepikan langsung pendapat mereka. Normaliza Abd Rahim (2014), bersetuju dengan pendapat Noor Azlinda Zainal Abidin (2014) dengan mengatakan bahawa penggunaan media boleh mendatangkan keburukan dan kebaikan bagi setiap individu.

Seterusnya, kajian oleh Siti Ezaleila Mustafa (2015), menjelaskan bahawa persahabatan yang dibina melalui rangkaian sosial terjalin ke luar

talian menunjukkan mereka juga mengakhiri persahabatan tersebut dengan mengeluarkan rakan dari senarai sahabat kerana sebab-sebab tertentu. Kebanyakannya disebabkan oleh sikap yang kurang menyenangkan kerana menggunakan bahasa yang tidak senonoh, pengaruh buruk dan gangguan seksual. Ini menunjukkan bahawa persahabatan di laman rangkaian sosial kadang-kadang mewujudkan hubungan yang lemah. Kajian Normaliza Abd Rahim (2014) hampir sama dengan pernyataan yang diberikan oleh Siti Ezaleila Mustafa (2015) dengan mengatakan bahawa rangkaian sosial boleh menghubungkan seseorang dari perspektif yang positif mahupun negatif. Sikap seseorang dapat digambarkan melalui penulisan di dalam laman sosial. Selain itu, kajian oleh Noraien Mansor & Normaliza Abd Rahim (2017) mendapati bahawa media sosial merupakan salah satu cara dalam menyebarkan bahan kepada pengguna. Kajian ini juga mendapati bahawa pengguna media sosial tertarik dengan bahan yang boleh dibaca serta memberi faedah kepada mereka.

Berpandukan sorotan kajian di atas, kajian ini mempunyai dua objektif iaitu mengenal pasti dan menghuraikan penggunaan kapsyen Instagram terhadap akaun sendiri, ruangan komen dan akaun pengguna lain.

### **Metodologi**

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif. Hasil kajian kuantitatif merupakan faktor penting dalam mengaplikasikan penemuan kepada populasi sebenar. Data-data diperoleh menerusi soal selidik yang dijalankan dalam kalangan pelajar Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Pemilihan sampel melibatkan pelajar Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi dari tahun satu sehingga tahun tiga. Instrumen yang digunakan ialah soal selidik. Soalan kaji selidik merupakan mekanisme yang lebih efektif kerana sasaran responden boleh dilakukan untuk mendapatkan maklumat yang lebih baik (Sakeran, 2000). Responden terdiri daripada 23% pelajar lelaki dan 77% pelajar perempuan. Set soalan kaji selidik ini terdiri daripada empat bahagian

iaitu bahagian A ialah maklumat berkaitan demografi pelajar seperti jantina, umur, bangsa, kelayakan akademik dan tahap penggunaan Instagram. Manakala bahagian B merujuk kepada tahap penggunaan akaun Instagram terhadap akaun sendiri dan bahagian C penilaian tahap penggunaan akaun Instagram terhadap ruangan komen dan seterusnya bahagian D ialah penilaian tahap penggunaan akaun Instagram terhadap akaun pengguna lain. Jumlah soalan ialah sebanyak 15 soalan. Setiap pecahan soalan ini dibina bagi mencapai tiga objektif kajian iaitu mengenal pasti dan membincangkan tahap penggunaan Instagram terhadap akaun sendiri, ruangan komen dan pengguna lain. Setiap soalan menggunakan skala 1 hingga 5. Skala 1 menunjukkan *sangat tidak setuju*, skala 2 *tidak setuju*, skala 3 *kurang setuju*, skala 4 *setuju* dan skala 5 *sangat setuju*. Skala *tidak pasti* tidak digunakan dalam soalan kaji selidik ini supaya tidak mengelirukan responden untuk menjawab soal selidik ini. Semasa membuat kajian, penulis telah mengambil beberapa langkah dalam menjalankan kajian ini.

Kajian ini dilakukan pada semester pertama 2015/2016. Jangka masa 2 minggu digunakan untuk mengedar borang soal selidik. Kajian ini telah mengingatkan responden agar menjawab kesemua item yang telah diberi dengan jujur. Kajian ini juga ada menemu bual responden berkaitan dengan soal selidik ini. Setelah kesemua borang soal selidik telah diisi maka penulis memasukkan data ke dalam sistem SPSS untuk mendapat hasil kajian. Akhir sekali setelah mendapat hasil kajian penulis ini telah menganalisis data bagi menjawab objektif kajian.

Teori yang digunakan dalam kajian ini ialah Teori Penggunaan dan Kepuasan. Menurut Blumler & Elihu Katz (1973-1974), Teori Penggunaan dan Kepuasan menjelaskan bahawa pengguna media memainkan peranan penting dalam memilih dan menggunakan media. Pengguna mengambil bahagian secara aktif dalam proses komunikasi dan berorientasi bertujuan dalam pengguna media mereka. Teori ini menyatakan bahawa pengguna media akan

berusaha mengeluarkan sumber media yang terbaik untuk memenuhi keperluan pengguna. Teori ini juga mengandaikan bahawa pengguna mempunyai pilihan alternatif untuk keperluan mereka. Teori kegunaan dan kepuasan telah mengambil pendekatan lebih perikemanusiaan untuk melihat penggunaan media. Blumber & Katz (1973-1974), percaya bahawa bukan hanya satu jalan untuk masyarakat menggunakan media. Sebaliknya, mereka percaya bahawa terdapat banyak alasan untuk menggunakan media yang mana pengguna adalah pengguna-pengguna media. Berikutan teori ini, pengguna media mempunyai kebebasan untuk memilih atau memutuskan bagaimana pengguna hendak menggunakan media dan sejauh mana kesan kepada pengguna. Teori ini adalah bersikap positif dalam konteks melihat media.

### **Keputusan dan Perbincangan Demografi responden**

Data yang dilakukan hanya terhad kepada analisis deskriptif asas dengan melihat kepada indeks bilangan dan peratusan sahaja. Hasil kajian dilakukan terhadap 100 orang pelajar Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Daripada 100 responden yang dipilih 77% terdiri daripada pelajar perempuan dan 23% terdiri daripada pelajar lelaki. Majoriti responden yang dipilih adalah berumur dalam lingkungan 21-30 tahun iaitu sebanyak 100%. Daripada 100 responden yang dipilih 86% terdiri daripada mereka ialah Melayu, manakala 7% adalah Cina dan 6% adalah India dan 1% adalah lain-lain. Responden juga terdiri daripada pelbagai program, antaranya ialah program Bachelo Sastera (Kesusasteraan Melayu) 57%, Bachelo Sastera (Bahasa dan Linguistik Melayu) 20%, Bachelo Sastera (Bahasa Asing) 14%, Bachelo Komunikasi 4%, Bachelo Sastera (Bahasa Inggeris) 3%, dan Bachelo Sastera (Kesusasteraan Inggeris) sebanyak 2%. Tempoh responden menggunakan Instagram 1-6 bulan adalah sebanyak 33%, 6-12 bulan penggunaan adalah 19%, 1-2 tahun penggunaan Instagram adalah 32% dan 2-4 tahun adalah sebanyak 16%. Dapatan juga melihat kepada masa

penggunaan Instagram oleh responden iaitu 47% responden hanya melayari Instagram setiap 6 jam. Responden yang melayari Instagram setiap 4 jam ialah sebanyak 23%. Manakala 16% responden melayari Instagram setiap 2 jam dan 16% responden yang melayari Instagram setiap masa.


**Penggunaan Instagram terhadap akaun sendiri**

Jadual 1 menunjukkan penggunaan Instagram terhadap akaun sendiri. Item B1 iaitu “saya selalu mengemas kini akaun Instagram saya” menunjukkan 39% kurang bersetuju, 11% tidak setuju dan 17% sangat tidak setuju dengan kenyataan di atas. Hal ini kerana kebanyakan pelajar tidak sempat untuk mengemas kini kapsyen Instagram memandangkan sibuk dengan kuliah seharian dan mereka melayari Instagram jika ada masa terluang sahaja. Keputusan ini disokong oleh pelajar yang telah ditemu bual. Pelajar memberi jawapan “tidak sempatlah puan nak kemas kini Instagram kerana tugasan yang banyak serta jadual kuliah yang padat”. Manakala 25% bersetuju dan 8% sangat setuju dengan kenyataan di atas. Hal ini berlaku kerana ada sebilangan kecil pelajar yang aktif dalam laman sosial yang suka memuat naik kapsyen untuk kepuasan diri sendiri.

Seterusnya item B2 iaitu “saya suka memberi tip belajar melalui Instagram” menunjukkan 38% kurang bersetuju, 21% tidak setuju dan 13% sangat tidak setuju dengan kenyataan di atas. Hal ini kerana kebanyakan pelajar yang melayari Instagram ini hanya untuk menghilangkan rasa bosan dan hanya untuk mengisi masa lapang sahaja setelah seharian belajar. Keputusan ini disokong berpandukan jawapan yang telah diberi oleh pelajar yang telah ditemu bual iaitu “tidak suka sangat puan, layari Instagram pun untuk hilangkan stress je”. Manakala 24% bersetuju dan 4% sangat bersetuju dengan kenyataan di atas. Hal ini kerana tidak semua pelajar yang mempunyai Instagram hanya untuk suka-suka sahaja bahkan ada juga pelajar yang suka berkongsi tip belajar.

Seterusnya item B3 iaitu “saya suka memuat naik kata-kata motivasi melalui kapsyen Instagram saya” menunjukkan 43% bersetuju, 8% sangat setuju dengan kenyataan di atas. Hal ini kerana pelajar suka berkongsi kata-kata yang positif untuk ingatan kepada diri sendiri dan juga pengikutnya. Kata-kata motivasi yang dikongsi akan memberi kesan yang amat positif jika seseorang membaca dan mengamalkannya. Keputusan ini juga disokong oleh pelajar yang telah ditemu bual dengan memberi jawapan “saya suka memuat naik kata-kata motivasi ke dalam Instagram saya supaya kita boleh

Jadual 1: Penggunaan Instagram terhadap akaun sendiri





*berkongsi kata-kata yang positif itu dengan pengguna lain*". Manakala 31% kurang setuju, 10% tidak setuju dan 8% sangat tidak setuju dengan kenyataan di atas. Hal ini berlaku kerana pelajar tidak begitu aktif melayari Instagram dan mereka melayari akaun Instagram ketika masa lapang sahaja. Keputusan juga disokong oleh pelajar yang telah ditemu bual. Mereka mengatakan "*saya tidak aktif sangat puan, masa terluang sahaja saya melayari Instagram*".

Selain itu B4 iaitu "*saya suka meluahkan perasaan saya melalui kapsyen Instagram*" menunjukkan 36% kurang bersetuju, 10% tidak setuju dan 25% sangat tidak setuju dengan kenyataan di atas. Manakala 26% bersetuju dan 3% sangat setuju dengan kenyataan di atas. Peratusan kurang setuju amat tinggi berbanding peratus setuju disebabkan kerana tidak semua pelajar berani meluahkan perasaan di kapsyen Instagram disebabkan sifat malu yang menebal dalam diri. Keputusan ini juga disokong dengan jawapan yang diperoleh dari pelajar yang ditemu bual adalah seperti "*malu la puan*". Di sini kita dapat lihat ada juga sebilangan kecil pelajar yang bersetuju dengan item B4 kerana pelajar ini suka berkongsi apa yang dirasa dengan pengguna lain. Dengan meluahkan perasaan di kapsyen Instagram seperti perasaan marah, sayang, sakit hati, tidak puas hati membuatkan pelajar itu merasa lega dan puas dapat berkongsi apa yang dirasa dengan pengguna lain. Hal ini juga disokong dengan jawapan pelajar yang telah ditemu bual "*suka sangat, sebabnya kita dapat luah apa yang terpendam dan rasa puas dapat berkongsi dengan pengguna lain*".

Akhir sekali dalam bahagian B untuk item B5 iaitu "*saya suka melayari Instagram apabila mempunyai masa terluang*" menunjukkan 58% bersetuju dan 19% sangat setuju dengan kenyataan di atas. Hal ini kerana pelajar tidak sempat untuk melayari Instagram tiap masa kerana kekangan masa menghadiri kuliah ditambah dengan banyak tugas yang perlu didahulukan berbanding melayari Instagram setiap masa. Keputusan ini juga disokong oleh pelajar yang telah ditemu bual iaitu "*tidak sempat puan, time free sahaja saya online Instagram*" Manakala 13% kurang bersetuju,

6% tidak bersetuju dan 4% sangat tidak setuju dengan kenyataan di atas. Perkara ini berlaku disebabkan ada juga sebilangan kecil pelajar yang sangat aktif dengan laman sosial contohnya Instagram. Mereka yang aktif ini akan merasa tidak selesa jika tidak melayari laman sosial.


Secara keseluruhan kita dapat lihat bahawa kebanyakan responden kurang setuju dengan penggunaan Instagram terhadap akaun sendiri disebabkan kekangan masa, sibuk dengan menyiapkan tugas kuliah dan sifat malu yang menebal dalam diri seseorang pelajar. Mereka mempunyai Instagram tetapi tidak berkesempatan untuk mengemas kini, dan juga tidak yakin dan rasa malu untuk memuat naik kata-kata melalui kapsyen Instagram. Mereka hanya suka melihat dan melayari sahaja Instagram apabila masa terluang.

### **Penggunaan Instagram terhadap ruangan komen**

Jadual 2 menunjukkan penggunaan Instagram terhadap ruangan komen. Item C6 iaitu "*saya suka memberi komen status kapsyen pengguna lain*" menunjukkan bahawa 40% pelajar kurang bersetuju, 15% tidak bersetuju dan 14% sangat tidak setuju dengan kenyataan di atas. Hal ini kerana pelajar itu sendiri hanya mahu menjadi pengikutnya sahaja dan hanya untuk mengetahui perkembangan terkini. Keputusan ini juga disokong oleh jawapan pelajar yang telah ditemu bual iaitu "*saya hanya follow je, saje nak tahu perkembangan terkini, itu je*". Manakala 25% bersetuju dan 6% sangat setuju dengan kenyataan di atas. Persetujuan ini adalah disebabkan kerana ada sesetengah pelajar yang suka memberi komen kepada pengguna lain kerana sikapnya yang suka memberi komen atau pendapat dan ruangan komen ini boleh mengeratkan silaturahim kerana ruangan komen juga membolehkan kita berinteraksi antara satu sama lain.

Selain itu Item C7 iaitu "*saya suka membalas komen yang terdapat dalam akaun Instagram saya*" menunjukkan bahawa 45% bersetuju dan 11% sangat setuju dengan kenyataan di atas. Hal ini kerana pelajar suka berinteraksi antara satu

Jadual 2: Penggunaan Instagram terhadap ruangan komen



sama lain memandangkan komen yang diberi itu ada kaitan dengan kapsyen yang diberi. Kita sebagai manusia tentu gembira jika kapsyen yang kita muat naik itu ada tindak balas daripada pengguna lain. Keputusan ini juga disokong oleh kata-kata pelajar yang telah ditemu bual iaitu *“suka sangatlah puan sebab ada orang komen kapsyen kita”*. Manakala 27% kurang bersetuju, 12% tidak setuju dan 5% sangat tidak setuju dengan kenyataan di atas. Hal ini adalah kerana tidak semua pelajar suka membalas komen di Instagram sendiri memandangkan faktor kesibukan dengan tugas dan kuliah harian tidak sempat untuk membalas komen-komen yang diberi.

Seterusnya Item C8 iaitu *“saya suka membaca semua komen yang terdapat dalam akaun Instagram saya”* menunjukkan 44% bersetuju dan 14% sangat setuju dengan kenyataan di atas. Hal ini kerana ada pelajar yang suka membaca komen kesemua yang ada dalam akaun sendiri, mereka merasa puas kerana kapsyen yang ditulis itu ada tindak balas dari pengguna lain. Keputusan ini disokong oleh pelajar yang ditemu bual, ayatnya berbunyi *“suka sangat puan, sebab dengan komen-komen itulah membuat diri kita rasa dihargai, lagipun saya memang suka baca semua komen-komen dalam Instagram saya”*. Manakala 21% kurang bersetuju, 12% tidak setuju dan 7% sangat tidak

setuju dengan kenyataan di atas. Hal ini kerana tidak semua pelajar yang ada akaun Instagram suka menulis kapsyen di akaun sendiri, mereka membuka akaun Instagram hanya untuk suka-suka dan hanya memerhati sahaja apa yang berlaku di laman sosial.

Sementara itu Item C9 iaitu *“saya suka membaca komen yang berunsur nasihat”* menunjukkan 64% bersetuju dan 15% sangat setuju dengan kenyataan ini. Kata-kata nasihat adalah kunci kepada kejayaan seseorang bahkan kita sebagai pelajar amat perlu kepada nasihat memandangkan kita berjauhan daripada ibu bapa yang selama ini memberi nasihat kepada sejak kecil lagi. Dengan kata-kata nasihat itulah kita berjaya melangkah ke alam Universiti. Keputusan juga disokong oleh pelajar yang telah ditemu bual iaitu *“suka sangat la puan, dengan kata-kata nasihat ni, kita boleh ambil iktibar dan perbaiki diri yang kekurangan”*. Dengan faktor inilah menjadikan peratus bersetuju amat tinggi berbanding peratusan kurang setuju sebanyak 14%, tidak setuju sebanyak 5% dan sangat tidak setuju sebanyak 2%. Peratusan ini sangat kecil ini disebabkan pelajar yang kurang aktif dalam melayari Instagram.

Begitu juga dengan Item C10 iaitu *“Ruangan komen membolehkan kita berkomunikasi antara satu sama lain”* menunjukkan 61% bersetuju dan 14% sangat bersetuju dengan kenyataan

di atas. Hal ini kerana ruangan komen inilah yang membolehkan kita berkomunikasi dengan pengguna lain. Di ruangan ini kita boleh meluahkan pandangan tentang kapsyen yang dimuat naik dan mengeluarkan pendapat masing-masing, maka terjadilah komunikasi di alam maya secara tidak sedar. Inilah faktor kepada peratusan bersetuju amat tinggi berbanding peratusan kurang setuju melalui dapatan kajian. Keputusan juga disokong oleh pelajar yang telah ditemu bual. Hasil temu bual pelajar berkata *“setuju la puan, dalam ruangan komen ini, kita boleh meluahkan pendapat masing-masing dengan ini, secara automatik kita telah berkomunikasi secara alam maya”*. Peratusan kurang setuju dalam jadual di atas terhadap item C10 ialah sebanyak 12%, 9% tidak setuju dan 4% sangat tidak setuju. Hal ini disebabkan pelajar kurang aktif dalam Instagram dan ada juga pelajar yang takut untuk memberi komen dan tidak ada keyakinan diri dalam memberi komen. Hasil temu bual pelajar adalah *“takut nak komen, nantikan salah apa yang kita komen tu”*


Secara keseluruhannya, didapati kebanyakan responden bersetuju dengan item bahagian C, memandangkan ruangan komen merupakan salah satu fungsi kepada Instagram. Dengan kapsyen yang diberi kita sebagai pengguna mengharapkan komen-komen yang positif dan menjadikan kita lebih berkeyakinan

dalam meluahkan pendapat walaupun di dunia nyata atau di dunia maya.

**Penggunaan Instagram terhadap akaun pengguna lain**

Jadual 3 menunjukkan penggunaan Instagram terhadap akaun pengguna lain. Item D11 iaitu *“saya suka membaca kapsyen Instagram pengguna lain”* menunjukkan bahawa 52% bersetuju dan 13% sangat setuju dengan kenyataan di atas. Hal ini kerana pelajar suka melayari Instagram pengguna lain kerana mereka berminat untuk tahu perkembangan semasa dari pengguna lain. Keputusan juga disokong oleh pelajar yang telah ditemu bual. Hasilnya adalah *“setuju sangat puan, sebabnya kita nak tahu perkembangan semasa pengguna lain, kalau tak nak baca buat apa kita ikut diorang?”*. Manakala 23% tidak setuju, 6% tidak setuju dan 6% sangat tidak setuju dengan kenyataan di atas. Hal ini kerana ada juga pelajar yang tidak suka membaca Instagram pengguna lain dan mereka menganggap perkara itu membuang masa mereka, dan mereka memuat naik aplikasi Instagram hanya suka-suka memenuhi permintaan rakan-rakan sahaja. Keputusan ini juga disokong dengan pelajar yang ditemu bual iaitu *“tidak setuju puan, saya install Instagram ni pun untuk penuhi permintaan rakan-rakan je”*.

Jadual 3: Penggunaan Instagram terhadap akaun pengguna lain





Seterusnya Item D12 iaitu “saya suka membaca kapsyen berbentuk keagamaan” menunjukkan 66% bersetuju dan 18% sangat setuju dengan kenyataan di atas. Manakala 11% kurang bersetuju, 2% tidak bersetuju dan 3% sangat tidak setuju dengan kenyataan di atas. Hal ini kerana faktor setuju adalah kerana kapsyen yang berbentuk keagamaan ini boleh menyucikan hati kita yang selalu lalai kepada pencipta-Nya. Keputusan ini juga disokong oleh pelajar yang ditemu bual. Hasilnya adalah “setuju sangat puan, dengan bacaan berbentuk begini, dapat sucikan hati kita ni yang semakin lalai dengan duniawi”. Manakala faktor kepada tidak setuju dengan kenyataan di atas terdiri daripada pelajar yang bukan beragama Islam.

Selain itu Item D13 iaitu “saya suka membaca kapsyen berbentuk ilmiah” menunjukkan 67% bersetuju dan 16% sangat setuju dengan kenyataan di atas. Hal ini kerana pelajar boleh menambah ilmu pengetahuan dengan melayari Instagram yang berbentuk ilmiah. Keputusan ini juga disokong oleh pelajar yang ditemu bual iaitu “suka sangat kerana boleh menambah ilmu pengetahuan dan kita sebagai pelajar mesti membaca bahan-bahan ilmiah untuk cemerlang dalam akademik”. Manakala 10% kurang bersetuju, 3% tidak setuju dan 4% sangat tidak setuju dengan kenyataan di atas. Hal ini kerana faktor ada sesetengah pelajar melayari Instagram untuk melepaskan tekanan belajar seharian.

Sementara itu Item D14 iaitu “saya suka membaca kapsyen berbentuk sukan” menunjukkan 45% bersetuju dan 9% sangat setuju dengan kenyataan di atas. Hal ini kerana aktiviti sukan adalah aktiviti yang sihat, sukan iaitu salah satu kursus wajib dalam kursus kokurikulum yang perlu diikuti oleh pelajar sepanjang berada dalam program di Universiti Putra Malaysia. Keputusan juga disokong oleh pelajar yang telah ditemu bual iaitu “suka puan, melalui pembacaan sukan inilah kita dapat tahu tentang perkembangan sukan di negara kita”. Manakala 35% kurang bersetuju, 4% tidak setuju dan 7% sangat tidak setuju dengan kenyataan di atas.

Akhir sekali Item D15 iaitu “saya suka membaca kapsyen berbentuk hiburan” menunjukkan 63% bersetuju dan 10% sangat bersetuju dengan kenyataan di atas. Hal ini kerana pelajar yang suka membaca kapsyen berbentuk hiburan untuk melepaskan tekanan dan untuk menghiburkan hati yang seharian belajar tanpa henti. Keputusan juga disokong oleh jawapan pelajar yang telah ditemu bual iaitu, “suka sangat, boleh hilangkan stress, lagipun semua orang suka akan hiburan”. Manakala 20% kurang bersetuju, 2% tidak setuju dan 5% sangat tidak setuju dengan kenyataan di atas. Hal ini disebabkan kerana ada sebilangan pelajar yang tidak suka hiburan dan tidak minat bahkan ada di antara mereka mengatakan hiburan itu boleh melalaikan kita sebagai pelajar dan juga sebagai manusia. Keputusan kurang bersetuju juga disokong oleh pelajar yang telah ditemu bual iaitu “tidak suka, sebabnya saya tidak minat sangat bab-bab hiburan (artis)ni”.

Secara keseluruhan item bahagian D, kebanyakan responden bersetuju dengan kenyataan di atas. Majoriti mereka bersetuju bahawa dengan membaca kapsyen pengguna lain yang berbentuk keagamaan, ilmiah, sukan, hiburan membantu mereka menambah ilmu pengetahuan dalam membentuk jati diri sebagai pelajar yang cemerlang pada masa akan datang.

### Rumusan Keputusan Kajian

Instagram merupakan satu aplikasi laman yang begitu popular sehingga mampu menarik lebih 400 juta pengguna berdaftar. Penggunaan Instagram bukan sahaja popular dalam kalangan remaja tetapi juga dalam pelbagai peringkat usia. Berita tentang penggunaan Instagram juga sering kali menjadi bahan berita akhbar sama ada berita bercorak positif mahupun negatif. Kajian yang dijalankan ini tertumpu kepada kapsyen Instagram dalam kalangan pelajar Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Kajian ini telah mencapai objektif yang hendak dicapai dengan mengenal pasti dan menghuraikan penggunaan Instagram terhadap akaun sendiri, ruangan komen dan akaun pengguna lain. Hasil kajian yang telah dilakukan ke atas seramai

100 responden pelajar Bacelor Fakulti Bahasa Moden & Komunikasi menunjukkan bahawa penggunaan Instagram terhadap akaun sendiri kebanyakan kurang bersetuju disebabkan kerana faktor kesibukan sebagai seorang pelajar. Keputusan penggunaan Instagram terhadap ruangan komen kebanyakan bersetuju kerana dalam ruangan komen kita sebagai pengguna suka berkomunikasi antara satu sama lain, komen-komen yang berunsur nasihat memberi kesedaran kepada diri kita sebagai seorang pelajar yang semestinya memerlukan nasihat dalam kehidupan sebagai seorang pelajar. Manakala penggunaan Instagram terhadap akaun pengguna lain majoriti bersetuju dengan kenyataan diberi memandangkan sifat pelajar sebagai seorang yang semestinya suka membaca. Dalam melayari Instagram secara automatiknya kita akan baca apa yang ditulis tidak kira dalam apa jua bentuk kapsyen. Kajian Faradillah Iqmar Omar & Iza Sharina Sallehuddin (2011) hampir sama dengan kajian ini dengan mengatakan bahawa penggunaan internet dalam kalangan pelajar boleh meningkatkan kemahiran berkomunikasi mereka selain mengisi masa lapang dan mencapai kepuasan apabila berinteraksi secara *online*.

Kita sebagai pengguna internet sedia maklum bahawa banyak implikasi positif dan negatif dalam melayari laman sosial seperti Instagram, facebook, Tweeter dan sebagainya. Implikasi dalam kajian ini, apabila pelajar melayari internet para pelajar boleh berkomunikasi antara satu sama lain, mengeratkan silaturrahim sesama rakan di internet dan juga dapat berkongsi ilmu yang bermanfaat sesama pelajar. Di sebalik implikasi positif terdapat juga implikasi negatif iaitu melalaikan. Terlalu lama berdepan dengan teman-teman sosial di internet sehingga menyebabkan kita lupa akan tanggungjawab dan kadang-kadang terganggu dengan tugas hakiki sebenar. Laman sosial seperti ini sebenarnya dapat memberikan banyak kebaikan kepada pengguna sekiranya digunakan dengan cara yang betul.

## Kesimpulan

Secara kesimpulannya, penglibatan pelajar Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi di Universiti Putra Malaysia dalam melayari Instagram. Hal ini memberikan signifikan yang pelbagai namun tujuan untuk kepuasan terhadap penggunaan Instagram dilihat boleh memberi kesan yang berbeza. Walaupun, hampir kesemua responden suka melayari Instagram dan dengan melayari Instagram membolehkan seseorang itu meningkatkan kemahiran berkomunikasi selain mengisi masa lapang dan mencapai kepuasan apabila berinteraksi secara alam maya. Kajian ini diharapkan dapat memberi impak yang positif terhadap pengguna teknologi media sosial ini di masa akan datang.

## Rujukan

- Ahlqvist, Toni; Back, A., Halonen, & M., Heinonen, S. (2008). *"Social Media Roadmaps Exploring the Futures Triggered by Social Media"*. VTT Tiedotteita - Valtion Teknillinen Tutkimuskeskus (2454): 13. Technical editing Leena Ukskoski
- Al-Bahrani, A., & D. Patel. (2015). *Incorporating Twitter, Instagram, and Facebook in Economics Classrooms*. The Journal of Economic Education, 46(1): 56-67, 2015. Copyright © Taylor & Francis Group LLC.
- Andreas M, K. & Michael, H. (2010). *Users of the world, unite! The challenges and opportunities of social media*, Business Horizons, 53(1): 61. Kelly School of Business, Indian University.
- Dellavalle, R. R. (2014). *Dermatology on Instagram*. Dermatologi online Journal Volume 20 Number 7.
- Digital Marketing Stats/ Strategy/ Gadget (Oktober 2015) <http://expandedramblings.com/index.php/important-instagram-stats/5/> (diakses pada 30 Oktober 2015)
- Hu, Y., Mankikonda, L., & Kambhamati, S. (2014). What We Instagram: A First Analysis of Instagram Photo Content User Types. Proceedings of the Eight International

- AAAI Conference on Weblogs and Social Media. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ika Destina, Ali Salam. & Helmi Abd Rahim. (2013). *Penerimaan Media Sosial: Kajian Dalam Kalangan Pelajar di Universiti Palembang*. Jurnal Komunikasi, Malaysia Journal of Communication, 29(2): 125-140. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Katz, E., Blumler, J. G., & Gurevitch, M. (1973-1974). *Uses and gratifications research*. The Public Opinion Quarterly, 37(40): 509-523. Published by: Oxford University Press on behalf of the American Association for Public Opinion Research.
- Lee Hui Er, Normah Mustaffa & Ali Salman. (2014). Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Remaja Lembah Klang untuk Terus Membaca dan Membeli Melalui Pengiklanan Facebook. *Jurnal Komunikasi*, Jilid 30(1): 229-250.
- Noor Azlinda Zainal Abidin. (2014). *Kelantangan di laman media sosial bukti emosi atasi ilmu*. Berita Harian bertarikh 21 November 2014 (Jumaat) ruangan RENCANA.
- Noraien Mansor & Normaliza Abd Rahim. (2017). Written Discourse in Digital Audio Folklore. *Man in India*. 97(2): 491-499.
- Normaliza Abd Rahim. (2014a). *Wacana Bahasa*. Universiti Malaysia Terengganu: Penerbit UMT.
- Normaliza Abd Rahim. (2011). Analisis Wacana Tulisan di Laman Twitter dalam Kalangan Pelajar Universiti. *Journal Sains Sosial dan Pengurusan Teknologi UMP*. 3: 1-11.
- Normaliza Abd Rahim. (2014b). *Learning through Blog Writing: Embracing the New Technology*. Universiti Malaysia Terengganu: Penerbit UMT.
- Normaliza Abd Rahim, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi & Awang Azman Awang Pawi. (2017). Dissemination of Values and Culture through the E-Folklore. *The Turkish Online Journal of Educational Technology*. 16(1): 32-36
- Siti Ezaleila Mustafa. (2015). *Friend and Unfriend”: Persahabatan di Laman Sosial*. Prosiding 2<sup>nd</sup> International Conference on Media and Society. Kota Samarahan: UNIMAS
- Uma Sekaran. (2000). *Research Methods for Business: A Skill-building approach*. New York, NT: Wiley.